

Hadi dijangka menang tanpa bertanding pemilihan PAS, Mat Sabu dicabar
The Malaysian Insider
March 2, 2015

Setiausaha agung PAS, Datuk Mustafa Ali yakin Datuk Seri Abdul Hadi Awang akan kekal sebagai presiden PAS tanpa bertanding pada pemilihan parti Jun ini.

Mustafa berkata setakat ini, tidak ada mana-mana pemimpin dalam parti itu yang akan mencabar Hadi.

"Setakat yang saya tahu tidak ada pertandingan bagi jawatan presiden," katanya kepada pemberita selepas Majlis Kutipan Dana Pasca Banjir di Kota Baru, hari ini.

Menteri Besar Kelantan Datuk Ahmad Yakob merasmikan majlis tersebut yang turut dihadiri Ketua Dewan Ulama PAS Kelantan, Datuk Hassan Mohamood.

Mengenai jawatan timbalan presiden yang disandang Mohamad, Mustafa berkata jawatan itu dijangka akan berlaku pertandingan.

Mustafa berkata Mohamad juga akan dipanggil dalam tempoh terdekat ini oleh jawatankuasa khas siasatan parti berhubung wujudnya komplot menjatuhkan Hadi.

Sementara itu, mengulas perkara sama, Hassan yakin Hadi akan kekal sebagai presiden tanpa dicabar oleh mana-mana pihak.

"Sekarang ini tidak ada tokoh untuk menandingi dia (Hadi). Setakat ini Abdul Hadi adalah yang terbaik di kalangan kita. Kekuatan PAS ialah Islam, pemimpin tertinggi (presiden) mesti orang yang menguasai Islam dari segi ilmunya, bahasa Arab, berwibawa dan mampu mentadbir," katanya. – Bernama, 2 Mac, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/hadi-dijangka-menang-tanpa-bertanding-pemilihan-pas-mat-sabu-dicabar>